

# Tonjol bakat terpendam dengan Program E Idol Kolej E



Saibi Saiba yang  
menjuarai E Idol.

**Oleh Juliana Titin Agus**

Kota Kinabalu, 14 Mei - Program E Idol Kg E sekali lagi menyaksikan enam finalis yang berentap di atas pentas bagi merangkul gelaran juara yang dipertandingkan di cafe Kolej Kediaman E baru-baru ini. Juara bakal beraksi untuk membuat persembahan dalam majlis makan malam Kg E pada 17 Mei yang berlangsung di Grand Ballroom One Borneo yang bertema '*An Evening in a Royal Garden*'.

Pengetua Kolej Kediaman kg E, Dr Andika Aziz Husin berkata, "Hubungan sosial juga perlu diterapkan dalam setiap mahasiswa agar tidak menjadi katak di bawah tempurung yang tidak melihat dan memberanikan diri untuk menonjolkan bakat yang terpendam," kata beliau ketika memberikan ucapan perasmian program E Idol Kolej E.

"Aspek keberanian perlu ada dalam diri mahasiswa/i untuk merebut peluang yang ada, malah jangan sesekali sia-siakan peluang sebegini untuk menyerlahkan bakat anda. Jadilah mahasiswa/i yang proaktif dalam apa juga perkara yang anda lakukan," tambah beliau lagi.

Persaingan menjadi sengit apabila enam finalis yang tercalon masing-masing membawa lagu pelbagai genre untuk dipersembahkan pada hari pertandingan.

Juara pada malam E Idol dirangkul oleh Mohd Saibie Saiba, yang merupakan pelajar program Sejarah tahun dua Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang terkenal dengan bakat sedia ada beliau yang bakal beraksi pada majlis makan malam Kolej Kediaman E di 1 Borneo 17 Mei ini.

Sementara itu, naib juara disandang oleh Denisia Luther pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam yang membawa lagu berjudul "Teruskanlah" daripada Agnes Monica. Diikuti oleh Shaza Norhikma yang memenangi tempat ketiga yang merupakan pelajar program Seni tahun satu.

"Saya tidak sangka saya akan dapat memenangi gelaran juara malam ni, perasaan gembira, perasaan takut pun ada. Tapi saya akan memanfaatkan peluang yang ada untuk memberi persembahan yang terbaik pada majlis makan malam Kolej Kediaman E nanti," kata Saibie Saiba, juara E Idol 2015 ketika ditemubual pada malam pertandingan E Idol tersebut.

Program E Idol merupakan pertandingan nyanyian yang julung kali diadakan di Kolej Kediaman E. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat nyanyian dalam kalangan penghuni kolej kediaman E.

Majlis pembukaan diserai dengan persembahan paluan gong dan kompang daripada kelab persatuan E-Sentra dan kelab kompang kolej E manakala majlis penutupan diserikan dengan persembahan daripada kelab Akustik Kolej E.

Turut hadir sama dalam majlis, Tuan Pengetua Dr Andika Aziz Husin, barisan felo Kolej E, saudara Michael wakil presiden Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2014/2015, barisan pengadil, barisan JAKMAS kolej kediaman E, majlis ketua-ketua blok dan majlis ketua-ketua kelab, barisan ahli jawatankuasa pelaksana Kolej E Idol 2015 dan para pelajar UMS.